



KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI  
JABATAN STANDARD MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI (MITI)  
JABATAN STANDARD MALAYSIA

26 OGOS 2022

### STANDARD DAN AKREDITASI TONGGAK INFRASTRUKTUR KUALITI NEGARA

**Cyberjaya** - Majlis Amanat Pengerusi Majlis Standard dan Akreditasi Malaysia (MSDAM) bersama warga kerja Jabatan Standard Malaysia (JSM) telah diadakan di Menara Cyber Axis, Cyberjaya, Selangor pada hari ini. Majlis ini merupakan perjumpaan pertama YBhg. Datuk Ir. Ahmad Fauzi bin Hasan bersama warga kerja JSM secara fizikal setelah pelantikan beliau sebagai Pengerusi MSDAM bagi tempoh 3 tahun (2021-2023).

YBhg. Datuk Ahmad Fauzi dalam ucapan beliau menekankan beberapa perkara seperti perkhidmatan standardisasi dan akreditasi kebangsaan yang teratur, progresif dan responsif kepada keadaan semasa. Menurut beliau, cabaran masa hadapan merupakan faktor kritikal dalam menentukan kelangsungan pertumbuhan ekonomi negara serta kualiti hidup rakyat. Untuk itu, bagi sebuah organisasi yang berperanan penting dalam menetapkan standard kualiti produk, perkhidmatan dan proses pengeluaran, semestinya JSM dilihat oleh *stakeholders* sebagai contoh atau model selaras dengan prinsip “Kepimpinan Melalui Teladan”.

Selain itu, majlis ini juga turut diadakan bagi meraikan sambutan ulang tahun ke-26 JSM (28 Ogos 2022) sebagai Badan Standard dan Akreditasi Kebangsaan. JSM terus komited untuk memajukan bidang standardisasi dan akreditasi dengan menjalankan kajian *National Quality Infrastructure* bagi mengenal pasti kekuatan serta apa-apa jurang, kekurangan dan syor penambahbaikan dalam infrastruktur kualiti sedia ada bagi memastikan Malaysia bergerak terus maju ke hadapan.

Antara pengisian program pada majlis ini adalah pelancaran sistem MySQL, iaitu sistem carian dan pembelian dokumen MS secara atas talian. Selain itu, majlis turut menyaksikan penyerahan dokumen Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) daripada Ketua Pengarah JSM iaitu YBrs. En. Shahrul Sadri bin Alwi kepada YBhg. Datuk Izani Wan Ishak, Pengarah Bahagian Pemeriksaan dan Perundangan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Majlis juga diadakan dalam suasana patriotik dalam usaha menyemarakkan sambutan Hari Kebangsaan pada tahun ini.

**-TAMAT-**

## **Mengenai Jabatan Standard Malaysia**

Tertakluk di bawah Akta Standard Malaysia 1996 (Akta 549), Jabatan Standard Malaysia merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) yang ditubuhkan pada 28 Ogos 1996. JSM adalah Badan Standard dan Akreditasi Kebangsaan yang bertanggungjawab untuk membangun dan mempromosi dokumen Malaysian Standards (MS); serta menyediakan perkhidmatan akreditasi kepada badan penilaian pematuhan seperti makmal pengujian, badan pensijilan dan badan pemeriksaan.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web kami di [www.jsm.gov.my](http://www.jsm.gov.my), Facebook: STANDARDS MALAYSIA, Twitter: STANDARDS\_MY dan Instagram: standards\_my

---

Unit Komunikasi Strategik

Jabatan Standard Malaysia

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)

Telefon: 03-8008 2891 Faks: 03-8008 2901

E-mel: [noor\\_hidayah@jsm.gov.my](mailto:noor_hidayah@jsm.gov.my)